

## **Wawasan 2020 sukar dicapai: Mahathir**

SY - 3 Januari 2010 JP

KUALA TERENGGANU -

"Wawasan 2020 sukar dicapai jika dilihat kepada pertumbuhan ekonomi yang tidak memberangsangkan sejak akhir-akhir ini," demikian kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, setakat ini Malaysia hanya mencapai tahap pertumbuhan ekonomi pada kadar empat peratus dan berdasarkan perkembangan semasa yang tidak menentu kini, adalah sukar untuk mencapai matlamat itu.

"Kita (Malaysia) kalau nak capai matlamat itu dari segi ekonomi, jelas, iaitu ia mesti tumbuh pada tahap tujuh peratus setiap tahun, tapi masalah ekonomi dalam tempoh tiga tahun ini masih tidak memberangsangkan.

"Sekiranya masa depan tahap pertumbuhan ekonomi kita naik pada kadar 10 hingga 12 peratus, mungkin matlamat itu tercapai, namun sekarang ini saya rasa tidak mungkin (ekonomi) akan naik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung keupayaan negara mencapai matlamat Wawasan 2020 dalam keadaan ekonomi tidak me-

nantu hari ini.

Beliau berkata, dengan kadar pertumbuhan empat peratus yang mampu dicapai negara, adalah amat sukar untuk menyaingi China yang setakat ini mencatat lapan hingga 12 peratus pertumbuhan ekonomi negara mereka.

"Tidak mudah untuk capai matlamat, tapi kita kena ada idea untuk mencapai sasaran itu di mana kita kena tanya orang lain supaya dapat cari contoh terbaik," katanya kepada pemberita selepas Konvensyen Mahasiswa Melayu (Konmam) 2010 di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini, semalam.

Beliau yang juga pencetus Wawasan 2020 belum yakin boleh mencapai matlamat itu sekiranya pertumbuhan ekonomi masih berada pada tahap seperti mana yang berlaku sekarang.

Wawasan 2020 adalah wawasan kerajaan Mahathir, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, bertujuan meningkatkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya menjelang 2020.